

MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA



KENYATAAN SEBUT HARGA (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan bagi menawarkan sebut harga seperti berikut :-

Butiran Sebut Harga	Harga Dokumen (RM)	Syarat Pendaftaran	Tarikh, Masa & Tempat Taklimat	Tarikh Tutup Sebut Harga
MAIM/SH/34/2025 SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA NAIK TARAF PEJABAT AGIHAN ZAKAT DAERAH ALOR GAJAH, MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA DI NO. MT697, KOMPLEKS PERNIAGAAN MASJID TANAH, DAERAH ALOR GAJAH, MELAKA	RM20.00	CIDB, Gred G2, Kategori B, Pengkhususan B 07 & B 28 (Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan)	09.12.2025 (Selasa) 10.30 Pagi No. MT697, Jalan IKS Masjid Tanah 2, Kompleks Perniagaan Masjid Tanah, Daerah Alor Gajah, Melaka	15.12.2025 (Isnin) 12.00 Tengah Hari

2. Sesi taklimat adalah **WAJIB** dihadiri oleh penama di dalam Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB). (*wakil tidak dibenarkan*)
3. Dokumen sebut harga hanya akan diberi kepada penyebut harga dan wakilnya yang sah berdasarkan kepada sijil asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang dikemukakan beserta salinan setiap satunya.
4. Penyebut harga terlebih dahulu perlu melengkapkan akaun serta langganan di SISTEM TENDER ONLINE MELAKA (STOM) dengan bayaran caj langganan RM50.00 setahun dan seterusnya **dokumen sebut harga boleh dibeli secara atas talian** melalui laman sesawang <https://stom.melaka.gov.my>
5. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan ditulis tajuk dan nombor sebut harga seterusnya dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran** secara **SERAHAN TANGAN** di **Unit Perolehan, Majlis Agama Islam Melaka, Aras Bawah, Pusat Islam Melaka, Jalan Bukit Palah, 75400 Melaka**. Sebarang pertanyaan sila hubungi Unit Perolehan, Majlis Agama Islam Melaka di talian 06-283 7416.

(SHAIFULFAZLEE BIN MOHAMAD)
Setiausaha
Majlis Agama Islam Melaka.

Tarikh : 05 Disember 2025